

# Berita PKINK

PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN

Bil. 1/2006

Jan. - Mac. 2006/Zulhijjah 1426 - Rabiul Awal 1427

[pkink.gov.my](http://pkink.gov.my)

edaran Percuma

## Menarik di dalam



m. surat 3  
Tazkirah  
bulanan oleh  
TKE P&P dan  
TKE HEK



m. surat 4  
Rombongan  
Pas K. Bharu  
melaowat  
PKINK



m. surat 6  
Sukan  
Gemaputera  
ke XI



m. surat 7  
PKINK Juara  
Badminton  
Piala KE  
PKINK



m. surat 8  
Ceramah  
Ibadah Haji  
dan Hijratul  
Rasul



m. surat 9  
Berita  
Anggota



m. surat 9  
Penyerahan  
Cek manfaat  
Takaful

m. surat 10  
Info Sihat dan  
ICT

m. surat 11  
Muhasabah  
Sebelum  
Rebah

## TIGA SEKTOR UTAMA DIBERI PENEKANAN

SEKTOR HARTANAH, PERLADANGAN DAN PERKHIDMATAN FOKUS UTAMA KUMPULAN PKINK.

Maksudnya: "Salah seorang di antara perempuan yang berdua itu berkata: "Wahai ayah, ambillah dia menjadi orang upahan (mengembala kambing kita). Sesungguhnya orang yang paling baik yang ayah ambil untuk bekerja ialah orang yang kuat, lagi amanah (diperkeyai)".


(Surah Al-Qasas; 26)

Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK dalam percutusan tahun 2006 yang diadakan di Bilik Operasi Tingkat 10, Bangunan PKINK pada 3 Januari 2006 menegaskan bahawa beliau akan meneruskan kesinambungan usaha-usaha dan dasar yang telah dilaksanakan dan dirancang oleh Ketua Eksekutif yang lepas. Kedudukan semasa Kumpulan PKINK adalah begitu memberangsangkan dan beliau berharap agar prestasi ini dapat ditingkatkan dalam tahun 2006.

Berdasarkan akaun pengurusan, Perbadanan dijangka akan memperolehi keuntungan bagi tahun 2005 sebanyak RM4.6 juta. Bagi Syarikat-Syarikat Anak, prestasi kewangan menunjukkan kedudukan yang lebih baik berbanding tahun 2004 dengan keuntungan yang dicapai berjumlah RM40.6 juta sehingga akhir 2005.

Di dalam usaha memberi nafas baru kepada PKINK, beliau bercadang untuk memberi penekanan semula kepada bidang hartaanah, perladangan serta perkhidmatan.

**Bidang hartaanah** mempunyai prestasi yang besar untuk diberi penekanan semula khususnya yang berkaitan dengan hartaanah di seluruh negeri Kelantan. PKINK adalah



Tuan Haji Wan Yahya menyampaikan ucapan sempena tahun baru 2006  
kepada anggota PKINK

pencetus, penggerak dan pengubah lanskap ekonomi negeri ini. Justeru itu, melalui pembangunan yang dirancang, intipatinya yang mesti dikekalkan ialah kita membangun dan dalam masa yang sama mengekalkan atau meningkatkan lagi penglibatan orang Melayu di dalam proses tersebut. PKINK hendaklah menjadi 'KEY PLAYER' di dalam bidang ini di negeri Kelantan.



Anggota PKINK yang hadir untuk mendengar ucapan Ketua Eksekutif PKINK

S e k t o r  
**Perladangan** dilihat seolah terpinggir melebihi 20 tahun dengan jumlah keluasan ladang yang kita miliki kekal, kecuali hanya sedikit tambahan. Dengan itu kita hendaklah merancang untuk menambah keluasan ladang yang sedia ada disamping membuka kawasan-kawasan baru.

bersambung m. surat 5



ISSN 0127-3256  
770127-325003

# Dari Meja Ketua Editor



## SIDANG EDITOR

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**

Bertemu kembali dari meja editor Berita PKINK. Memandangkan ini adalah Bilangan Pertama untuk tahun/ keluaran 2006, sidang editor ingin mengambil peluang untuk mengucapkan Selamat Menyambut Tahun 2006 kepada semua anggota kumpulan PKINK dan diharap dapat meneruskan aktiviti dengan penuh keazaman dan semangat baru.

Tahun 2005 yang berlalu meninggalkan banyak peristiwa kepada kita semua. Jadikanlah peristiwa-peristiwa lalu sebagai landasan dan kayu pengukur bagi kita semua untuk memuhasabah diri dan menilai semula segala tingkahlaku, gerak kerja dan tindakan kita. Proses penilaian semula atau muhasabah diri amat penting bagi kita dalam menyusun atur dan mengorak langkah yang lebih baik dan tersusun untuk menghadapi cabaran yang akan datang.

Sebagaimana hasrat pihak pengurusan dan pesanan Ketua Eksekutif dalam ucapannya sempena menyambut tahun 2006, yang memberi penekanan dan tumpuan kepada tiga sektor utama iaitu harta tanah, perladangan dan perkhidmatan, kita sebagai warga kumpulan PKINK haruslah memainkan peranan yang lebih penting secara bersama dalam menjayakan hasrat tersebut dengan penuh iltizam dan kesungguhan.

Sebagai satu pasukan dalam kumpulan PKINK, setiap anggota mestilah mempunyai sikap positif, kekuatan semangat dan iltizam yang tinggi bagi memastikan lahirnya sebuah pasukan kerja yang mantap dan efisien. Lima perkara utama yang telah ditekankan dalam perutusan Ketua Eksekutif mestilah diterima sepenuhnya untuk dilaksanakan.

Kita berharap dan berdoa agar semua anggota kumpulan PKINK diberi kekuatan dan keteguhan iman dalam menghadapi cabaran, rintangan dan segala bentuk ujian di dalam menghadapi tugas sehari-hari dan mampu meneruskan khidmat yang cemerlang dalam memastikan kejayaan Kumpulan PKINK.

**PENAUNG**

YABrs. Tuan Haji Wan Yahya Wan Salleh

**PENASIHAT**

YBrs. Tuan Hj. Wan Adnan Wan Ab. Kadir

**KETUA EDITOR**

YBrs. Mohd Fauzi Hj. Taib

**EDITOR**

**En. Mohd Roslan Mohd Zain**

**PENOLONG EDITOR**

YM. Tengku Petra Tengku Wook

Pn. Sofia Aizan Che Soh

Pn. Zakiah Mohamed

**PENGARANG**

En. Ahmad Nazri Ismail

Pn. Nik Farzimar Nik Omar

Pn. Ahlaami Ab. Halim

Pn. Teh Mariam Mohamed

Pn. Hawa M. Salleh

En. Rosdi Said

En. Mohd Ramli Hamzah

En. Zainul Amin Mat Zin

**JURU FOTO**

YM. Tengku Petra Tengku Wook



Berita Kumpulan PKINK diterbitkan oleh:

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan

Tingkat 8 - 11, Bangunan PKINK,

Jalan Tengku Maharani,

Peti Surat 142,

15710 Kota Bharu,

Kelantan

[www.pkink.gov.my](http://www.pkink.gov.my)

tel: 09-7414141 fax: 09-7414140

Dicetak oleh:

PERCETAKAN MURSHID ENTERPRISE

Lot 63, Hadapan Wisma Persekutuan

Jalan Bayam

15200 Kota Bharu

Tel: 09-7472313

## RUANGAN BERITA

### PROGRAM PERJUMPAAN ANGGOTA DAN TAZKIRAH BULANAN

## BERCAKAP BENARLAH WALAUPUN IANYA PAHIT

TAZKIRAH BULAN FEBRUARI DISAMPAIKAN OLEH TUAN HAJI MOHD SUHAIMI HUSIN,  
TIMBALAN KETUA EKSEKUTIF PERANCANGAN PEMBANGUNAN KUMPULAN PKINK

Program Perjumpaan Anggota & Tazkirah PKINK telah dimulakan dengan tazkirah yang disampaikan oleh Tuan Haji Mohd Suhami Husin, Timbalan Ketua Eksekutif (P&P). Dalam tazkirah tersebut, beliau telah menyampaikan sebuah cerita mengenai seorang raja yang adil lagi bijaksana di zaman dahulu. Pada suatu hari, Raja tersebut telah memanggil semua pembesar-pembesar kerajaan supaya hadir ke istana baginda.

Pada majlis tersebut, baginda telah mengeluarkan sebotol minyak wangi, sambil mencium minyak wangi tersebut baginda bertitah: "Minyak wangi ini berbau busuk." Lalu beliau menghulurkan minyak wangi tadi kepada orang-orang besar istana seorang demi seorang supaya mencium baunya. Semua pembesar istana berkata minyak wangi itu busuk kecuali seorang memanda menteri yang mengatakan minyak wangi ini berbau harum. Maka raja tadipun fahamlah bahawa semua pembesar yang hadir hanya mengampu baginda kecuali memanda menteri yang seorang itu. Baginda memerintahkan memanda menteri diberi darjah kebesaran dan persalinan serba satu manakala orang-orang besar lain dipecat dari jawatannya.

Daripada cerita di atas, beberapa ictibar penting boleh dijadikan panduan dalam gerakkerja kita sehari-hari, antaranya;

1. Setiap orang dituntut supaya bersikap jujur
2. Teguran-teguran adalah perlu walaupun pahit didengar
3. Kata-kata ikhlas boleh membina organisasi, sebaliknya kata-kata

mengampu boleh menghancurkan organisasi

4. Pemerintah yang zalim suka mendengar cakap-cakap yang enak walaupun tidak benar
5. Jauhilah sifat munafik kerana munafik adalah lebih teruk daripada kafir dan
6. Jangan jadi Pak Turut

Tuan Hj. Mohd Suhami juga memetik satu teladan yang amat masyhur untuk renungan bersama, iaitu dialog antara Imam Al-Ghazali dan anak muridnya, Imam Al-Ghazali menanyakan anak muridnya beberapa soalan.

1. Apakah yang paling dekat dengan kita?  
Jawab anak muridnya, ibu dan bapa. Betul kata Imam Al-Ghazali, tetapi yang lebih tepat ialah mati, kerana bila-bila masa ia akan datang dan tidak kira tempat.
2. Apakah yang paling jauh dengan kita?  
Jawab anak muridnya; "hujung dunia" dan ada juga yang berpendapat "puncak bukit". "Betul" kata Imam Ghazali, "tapi yang lebih tepat ialah masa, kerana masa tidak menunggu kita, setiap yang berlalu tak akan kembali lagi".
3. Apakah yang paling besar?  
Jawab anak muridnya "gunung". "Betul" kata Imam Al-Ghazali, "tetapi yang lebih tepat ialah hawa nafsu, kerana keinginannya tak terbatas".
4. Apakah yang paling berat?  
Jawab anak muridnya, "besi" dan ada yang berkata "batu". "Betul" kata Imam Al-Ghazali, "tetapi yang lebih tepat ialah memegang amanah,



Hj. Mohd Suhami menyampaikan tazkirah bulan Februari kepada anggota PKINK

kerana amanah adalah perkara yang tidak sanggup dipikul oleh lain-lain makhluk Allah melainkan manusia".

5. Apakah yang paling ringan?  
Jawab anak-anak muridnya "kertas". "Betul" kata Imam Al-Ghazali, "tetapi yang lebih tepat ialah meninggalkan solat, kerana manusia selalunya mudah meninggalkan solat".
6. Apakah yang paling tajam?  
Jawab anak muridnya serentak "pedang". "Betul" kata Imam Al-Ghazali, "tetapi yang lebih tepat ialah lidah, kerana kata-katanya adalah amat berbisa".

Akhir tazkirah, Tuan Haji Mohd Suhami mengingatkan dirinya dan juga semua anggota PKINK agar sama-sama menjadi orang yang bertaqwa.

Majlis bulanan ini diadakan pada 2 Muarram 1427 bersamaan 1 Februari 2006 mulai jam 8.30 pagi dan berakhir pada 9.00 pagi.

## AMANAH SIKAP YANG PERLU DI TELADANI

TAZKIRAH BULAN MAC DISAMPAIKAN OLEH TUAN HAJI WAN ADNAN WAN ABD. KADIR  
TIMBALAN KETUA EKSEKUTIF HAL EHWAH KORPORAT KUMPULAN PKINK

Tazkirah bulan Mac disampaikan oleh Tuan Haji Wan Adnan Wan Abdul Kadir, Timbalan Ketua Eksekutif Hal Ehwal Korporat pada 1 Safar 1427 bersamaan 1 Mac 2006.

Beliau mengimbau kembali tentang tazkirah yang disampaikan oleh Tuan Haji Mohd Suhami mengenai soalan yang diajukan oleh Imam Al-Ghazali kepada anak muridnya tentang:

1. Yang paling dekat: Mati
2. Yang paling jauh: Masa
3. Yang paling besar: Hawa nafsu
4. Yang paling berat: Amanah
5. Yang paling ringan: Tinggal solat

6. Yang paling tajam: Lidah  
Disini Tuan Haji Wan Adnan menekankan bahawa konsep Amanah dalam Islam perlu diterapkan dalam kehidupan sehari-harian, terutamanya dalam melaksanakan tangungjawab sebagai Khalifah Allah di muka bumi.

Beliau menyebut sepotong ayat suci al-Quran yang bermaksud "Wahai orang-orang yang beriman janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan RasulNya dan janganlah kamu mengkhianati amanah-amanah kamu sedangkan kamu mengetahui".



Hj. Wan Adnan menyampaikan tazkirah bulan Mac kepada anggota PKINK

## Rombongan PAS Kota Bharu Dengar Taklimat Projek Pembangunan PKINK.

Seramai 35 orang anggota rombongan dari PAS Kawasan Kota Bharu telah mengadakan lawatan ke PKINK pada 6 Februari yang lalu. Lawatan tersebut adalah bertujuan untuk mendapatkan taklimat mengenai projek-projek pembangunan PKINK. Rombongan diketuai oleh Yang Berhormat Dato' Hj. Wan Abd Rahim b. Abdullah, Yang Dipertua PAS Kawasan Kota Bharu yang juga Speaker DUN Kelantan.

Kunjungan ke PKINK adalah yang pertama bagi mendapatkan maklumat mengenai projek-projek yang telah dan akan dilaksanakan oleh PKINK. Taklimat telah disampaikan oleh Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK, Hj. Wan Yahya b. Wan Salleh. Turut hadir ialah Pengurus-Pengurus Bahagian dan pegawai-pegawai PKINK.

Rombongan telah diraikan dalam satu jamuan makan tengahari di tingkat 10 Bangunan PKINK.



Anggota rombongan sedang mendengar taklimat yang disampaikan oleh Ketua Eksekutif PKINK

## Bengkel Menghadapi Peperiksaan Perkhidmatan Awam

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia PKINK telah mengadakan bengkel cara-cara menghadapi peperiksaan perkhidmatan awam bagi anggota berjawatan gred 17, 26 dan 41. Seramai 10 orang anggota PKINK telah

hadir pada bengkel tersebut yang telah diadakan pada 20 Februari 2006, di Bilik Operasi Tingkat 10, Bangunan PKINK.

Peperiksaan perkhidmatan awam bagi tujuan pengesahan jawatan diadakan dua kali setahun iaitu pada bulan Februari/Mac dan pada bulan Ogos/September.

Bagi tahun ini beberapa kaedah telah dikenalpasti dan perlulah digunakan bagi memudahkan menjawab soalan dengan tepat dan cepat. Peserta dibahagikan kepada tiga kumpulan. Sesi perbincangan dan pembentangan kertas bermula jam 9.00 pagi

dan berakhir jam 1.00 tengahari.

Pembentangan kertas telah disampaikan oleh En. Ahmad Hilmi Mohd Nawawi Penolong Pengurus Sumber Manusia, PKINK. Beberapa faktor kegagalan telah dikenalpasti, antaranya:

- Bahan-bahan rujukan yang tidak mencukupi.
- Tidak ada panduan atau teknik-teknik menjawab soalan dengan betul dan tepat.
- Masa yang tidak mencukupi semasa menjawab soalan, atas sebab;
  - Terlalu teliti dalam menjaga tulisan.
  - Menjawab dengan jawapan yang panjang walaupun dapat diringkaskan
- Tidak yakin dengan jawapan menyebabkan berulangkali disemak dan dipinda.



Peserta berbincang dalam kumpulan masing-masing

## Bengkel Penulisan Berita dan Rencana

Bagi meningkatkan kemahiran dan memperlengkapkan diri setiap anggota Kumpulan PKINK dengan teknik dan gaya penulisan yang baik dan berkesan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia PKINK telah menganjurkan Bengkel Penulisan selama dua hari bermula 26 - 27 Mac 2006 di Bilik Operasi Tingkat 10, Bangunan PKINK.

Seramai 44 orang peserta lelaki dan wanita telah menghadiri bengkel ini yang terdiri daripada anggota Ibu Pejabat dan juga dari syarikat anak.

Tiga orang penceramah jemputan telah mengendalikan bengkel tersebut. Pada hari pertama Penceramah dari Persatuan Penulis Kelantan Drs Nik Azman Nik Mustapha membentangkan

kertas Penulisan Rencana, sementara pada sebelah petang pula ialah mengenai Penulisan Berita yang telah dibentangkan oleh En. Zulkifli Sulong dari Harakah.

Program pada hari kedua pula diisi dengan slot Kaedah Penulisan Laporan Berkesan yang telah disampaikan oleh Puan Atiah Mohd Salleh dari DBP.

Hasil pembentangan ketiga-tiga kertas tersebut telah dapat membantu pegawai-

pegawai Kumpulan PKINK bagi meningkatkan kemahiran masing-masing dalam bidang penulisan.



Sambutan anggota sangat menggalakkan.

## RUANGAN BERITA

sambungan dari m. surat 1

### Sifat terpuji Rasulullah S.A.W. hendaklah dijadikan contoh

Bagi **Sektor perkhidmatan**, beliau berharap agar produk Ar-Rahn dapat dikembangkan. Beliau mengucapkan tahniah kerana produk ini telah diluluskan untuk difrancis, dan beliau berpendapat kemungkinan wujudnya perkhidmatan lain yang boleh difikirkan di masa hadapan seperti penyediaan kemudahan berniaga yang lebih efisien kepada pengusaha-pengusaha bumiputera. "Aspek ini boleh (difikirkan) secara serius di dalam usaha kita untuk membangunkan usahawan yang berwibawa di negeri Kelantan bagi melahirkan usahawan global di masa akan datang", kata beliau.

Seterusnya beliau ingin mengajak seluruh anggota kumpulan PKINK untuk melihat dan memahami falsafah korporat PKINK yang berteraskan kepada dua objektif utama iaitu memberikan perkhidmatan kepada orang ramai /rakyat dan menjana keuntungan melalui penglibatan secara langsung di dalam perniagaan. Sebagai sebuah badan korporat yang bergerak berlandaskan prinsip-prinsip Islam dengan tanggungjawab bagi menggerakkan pembangunan ekonomi negeri Kelantan untuk kesejahteraan ummah, objektif dan falsafah tersebut, terutama dalam soal membangun sosio ekonomi negeri dan rakyat mestilah direalisasikan.

Dalam rangka tersebut, lima perkara utama telah digariskan untuk kita menghadapi cabaran tahun 2006 ke arah membentuk budaya kerja cemerlang yang berlandaskan sistem nilai yang unggul dan diamalkan secara berterusan. Perkara-perkara ini mestilah berpaksikan kepada sistem nilai unggul iaitu nilai yang berlandaskan syarak dan akidah. Berikut ialah lima perkara utama tersebut:

**Perkara pertama: Pengwujudan dan Pengamalan Budaya Kerja Secara Berpasukan.** Pembinaan semangat dan budaya kerja berpasukan ini akan melahirkan satu jentera organisasi yang kukuh dari segi merangka dasar, menyusun gerak kerja dan juga membuat keputusan. Semua perkara mestilah bertindak secara syura, dalam satu kumpulan dan bukan keputusan individu.

**Perkara Kedua: Pemodenan Pentadbiran** ke arah memperkuatkahkan lagi jentera pentadbiran dan pengurusan di bahagian masing-masing. Setiap Bahagian haruslah memikirkan program-program yang sesuai yang

meliputi perkara-perkara meningkatkan kecekapan dan keberkesanan, meningkatkan akauntabiliti dan disiplin, meningkatkan produktiviti dan kualiti perkhidmatan, memperbaiki sistem dan prosedur, menumpukan usaha yang berorientasikan pelanggan.

**Perkara Ketiga: Meningkatkan Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)** sebagai pemangkin dalam usaha memperbaiki sistem penyampaian perkhidmatan awam di negara ini. Laman Web PKINK dan Syarikat-Syarikat Anak mestilah sentiasa dikemaskini. Penggunaan ICT juga bertujuan untuk memendekkan masa dan mempercepatkan proses kerja bagi kumpulan PKINK.

**Perkara Keempat: Pembentukan Akhlak Mulia** dikalangan individu juga satu perkara yang perlu diberi keutamaan bagi melahirkan seorang individu pekerja yang amanah, jujur, bertanggungjawab, berperibadi unggul dan mempunyai nilai etika Islam.

Untuk membina dan membentuk akhlak mulia, ia haruslah melalui pendidikan iman, latihan, nasihat dan bimbingan dan yang paling utama ialah mengambil Rasulullah S.A.W sebagai contoh. Sifat-sifat terpuji Rasulullah ini hendaklah dijadikan contoh dan ikutan kepada semua anggota kumpulan PKINK.

**Perkara Kelima:** Setiap anggota kumpulan PKINK juga perlu Menyemai dan Memupuk Unsur Muhasabah Diri dalam setiap jiwa masing-masing. Ini akan menjurus kepada perasaan insaf dan sedar akan peranan dan tanggungjawab masing-masing sebagai pemegang amanah. Sebagai pemegang amanah, sudah tentulah kita diwajibkan untuk menjaga amanah yang telah diserahkan kepada kita. Kita perlu amanah dalam menjalankan tugas, amanah dalam melakukan tindakan dan amanah dalam mengurus dan menjaga harta kerajaan dan rakyat.

Dalam hubungkait antara soal pembentukan akhlak mulia dan muhasabah diri, beberapa perkara yang perlu diberi perhatian dan kesungguhan dalam menjalankan tugas ialah:

- ⟨ Menjaga dan menepati masa, tidak mencuri tulang dan tidak lewat datang bekerja (time management)
- ⟨ Tidak membazir dalam menggunakan peralatan selagi masih boleh digunakan dan sentiasa berjimat cermat dalam semua keadaan. (namun berjimat cermat tidaklah sehingga membawa kepada kedekut dalam membelanjakan kepada perkara yang perlu)

Beliau berharap dengan lima perkara yang disebutkan di atas, matlamat akhir yang ingin dicapai ialah bagi merealisasikan organisasi PKINK sebagai sebuah badan korporat yang menjadi peneraju utama kepada pembangunan ekonomi negeri Kelantan selaras dengan falsafah korporatnya.

sambungan dari m. surat 3

### Amanah sikap yang perlu diteladani

Pemimpin Islam masa lampau seperti Saidina Abu Bakar, Saidina Omar dan Omar Abdul Aziz betapa beliau menjaga amanah yang di beri kepada beliau sepanjang beliau menjadi pemimpin umat Islam. Sedikitpun tidak digunakan harta negara untuk kegunaan peribadi. Sepereti kisah yang tersohor, dimana Khalifah Omar Abdul Aziz yang meniup lilin ketika didatangi keluarga untuk hal-hal peribadi.

Dengan itu marilah kita sama-sama muhasabahkan diri, sejauh mana kita jika dibandingkan dengan pemimpin agung tersebut. Ternyata betapa jauhnya penghayatan kita mengenai amanah jika dibandingkan dengan tokoh-tokoh di atas. Ingatlah apa yang kita makan dan yang kita beri makan kepada anak isteri, setiap daging yang tumbuh dari punca yang haram akan di hitung Allah S.W.T.

Amanah juga termasuk bercakap benar bila membuat kertas kerja mengenai daya maju sesuatu projek dan pegawai yang terlibat perlulah melaksanakan tugas-tugasnya dengan penghayatan bahawa kita adalah mengurus hak rakyat.

- ⟨ Menanamkan sikap iltizam dengan peraturan organisasi dan peraturan Allah.
- ⟨ Menghindar diri daripada perbuatan menipu dan main-main dalam tugas
- ⟨ Menjaga harta pejabat, tidak melakukan rasuah, menipu dan pecah amanah serta menyalahgunakan kuasa

## PKINK TEMPAT KETIGA KESELURUHAN

**SUKAN GEMAPUTERA KE XI - MELAKA YANG BERLANGSUNG PADA 14 - 18 MAC 2006 MENYAKSIKAN PASUKAN PKINK TERUS UNGGUL DENGAN MENDUDUKI TEMPAT KETIGA KESELURUHAN DARI 21 PASUKAN YANG MENYERTAINYA.**

Melaka - 21 Mac 2006, Pasukan PKINK terus mengekalkan prestasi cemerlangnya dengan menyandang tempat ketiga keseluruhan dengan pertambahan mata keseluruhan dari 8 mata pada tahun 2004 kepada 12 mata pada tahun ini.

Pesta sukan yang berlangsung selama lima hari itu bermula pada 14 Mac hingga 18 Mac 2006 di Melaka Bandaraya Bersejarah. Pesta sukan kali ke XI ini turut disertai oleh 21 Agensi yang bernaung dibawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi Malaysia (MECD). Sebelum ini pada tahun 2004 pesta sukan Gemaputra ke X telah diadakan di Langkawi, Kedah.

Pesta sukan ini dikenali sebagai Sukan Gemaputra, iaitu satu karnival sukan dwi tahunan di mana kesemua PKEN-PKEN dan agensi-agensi yang bernaung dibawah MECD akan menghantar pasukan masing-masing untuk bertanding dalam acara-acara sukan yang telah ditetapkan oleh tuan rumah.

Pada tahun ini sebanyak 11 acara sukan telah dipertandingkan, iaitu dalam acara bolasepak, bolajaring, bowling, badminton, sepak takraw, golf, kerom, congkak, memancing, tarik tali dan gema explore.

Acara sukan Gema Explore adalah merupakan acara yang pertama kali diperkenalkan. PKINK telah menyertai sembilan acara iaitu golf, bolasepak, boling, sepak takraw, badminton, kerom, congkak, memancing dan gema explore.

Pasukan PKINK menduduki tempat ketiga keseluruhan di belakang pasukan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor ditempat pertama dan tuan rumah mendapat tempat kedua. PKINK memperolehi mata kemenangan melalui perlawanan bolasepak sebagai johan, boling dan sepak takraw naib johan dan badminton tempat ketiga.

PKINK telah menghantar kontinjen seramai 100 orang yang diketuai oleh Tuan Haji Wan Adnan Wan Abd. Kadir sebagai Ketua Kontinjen yang juga Timbalan Ketua Eksekutif (HEK) Kumpulan PKINK merangkap Yang Dipertua KSK PKINK



Ketua Eksekutif PKINK menyerahtan bendera PKINK kepada Ketua kontinjen PKINK Hj. Wan Adnan



### Bolasepak ADUN dan PKINK

Bersempena dengan sidang DUN Kelantan yang berlangsung dari 20 hingga 21 Februari 2006, satu Perlawanan Bolasepak Persahabatan antara Pegawai PKINK dengan Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan telah diadakan di Stadium Sultan Muhd ke-IV Kota Bharu pada 21 Februari 2006 jam 9.00 malam.

Setelah tamat masa permainan, kedua-dua pasukan terikat seri tanpa jaringan. Hadiah telah disampaikan oleh YB Dato' Hj. Wan Abd Rahim b. Abdullah, Speaker DUN Kelantan.



Pasukan ADUN Kelantan dan pasukan Pegawai PKINK bergambar kenangan

## **PKINK JUARA BADMINTON PIALA KETUA EKSEKUTIF KUMPULAN PKINK**

Dalam pertemuan akhir Kejohanan Badminton Jemputan Piala Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK kali ke-2 2006 Pasukan PKINK 'A' telah menumpaskan Pasukan Kota Darulnaim 3-2.

Kejohanan yang diadakan selama dua hari mulai 24 - 25 Februari 2006 telah disertai oleh 16 pasukan, yang dibahagikan kepada empat kumpulan, dimana perlawanan secara liga kumpulan telah diadakan. Johan dan naib johan kumpulan layak bermain dipusingan seterusnya yang diadakan secara kalah mati.

Pasukan PKINK 'A', Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Negeri Kelantan dan Tetuan Rithauddeen & Aziz berada dalam Kumpulan A.

Manakala Kumpulan B diwakili oleh Pasukan Kota Darulnaim, Jabatan Pengairan & Saliran Negeri Kelantan, MARA Kelantan dan Jabatan Pelajaran Kelantan.



Antara peserta yang mewakili pasukan masing-masing di Kejohanan Badminton Jemputan Piala Ketua Eksekutif PKINK 2006

Kumpulan C dianggotai oleh Pasukan Majlis Perbandaran Kota Bharu, Jabatan Kerja Raya Kelantan, Telekom Malaysia Bhd dan Polis Diraja Malaysia Kontinen Kelantan.

Kumpulan D pula ialah Pasukan Tenaga Nasional Bhd, Air Kelantan Sdn Bhd, Lembaga Hasil Dalam Negeri dan PKINK 'B'.

Pasukan PKINK 'A' iaitu Johan Kumpulan A telah berjaya menundukkan Pasukan PDRM Kontinen Kelantan 4-1 di peringkat suku akhir. Manakala dalam perlawanan separuh akhir Pasukan PKINK 'A' berjaya menundukkan pasukan Jabatan Pelajaran 3 - 2 dalam satu perlawanan yang sengit.

Manakala Pasukan Kota Darulnaim yang menjadi Naib Johan di belakang Pasukan Jabatan Pelajaran Kelantan dalam Kumpulan B berhempas pulas menundukkan Pasukan Tenaga Nasional Kelantan Bhd 3-2 di peringkat suku akhir. Di peringkat separuh akhir

pasukan Kota Darulnaim menundukkan Pasukan MPKB 3-1.

Tema "Keceriaan Bersukan Erat Perpaduan" dikekalkan untuk kejohanan tahun 2006 bagi menggambarkan hasrat PKINK untuk mewujudkan satu semangat persaudaraan dan perpaduan di kalangan anggota yang terlibat.



Ketua Eksekutif PKINK menyampaikan hadiah kepada pemenang



Antara Ketua-ketua Jabatan yang hadir pada Kejohanan Badminton Jemputan Piala Ketua Eksekutif kali ke 2 - 2006

## **PESTA SUKAN RAKYAT**

Pesta sukan rakyat bersempena sambutan Hari Keputeraan Al-Sultan Kelantan ke56 peringkat Jajahan Kota Bharu telah diadakan di Padang Sekolah Menengah Kebangsaan Melor, pada 25 Mac 2006.

PKINK telah turut sama menyertai sukan tersebut bersama-sama dengan Majlis Perbandaran Kota Bharu, Yayasan Islam Kelantan, Air Kelantan Sdn Bhd, Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Bomba & Penyelamat Kota Bharu dan

Perpaduan Kota Bharu.

PKINK telah menghantar 55 orang peserta termasuk kanak-kanak dan telah bermain dalam berbagai-bagai acara yang di pertandingkan.



Kontingen PKINK yang diberi nama Pasukan Teri Mandi



"Kaki Hantu" diantara salah satu acara yang dipertandingkan

## Ceramah Ibadah Haji dan Qurban

Sempena menyambut kedatangan 'Aidil Adha, satu ceramah agama telah diadakan di Bilik Operasi Tingkat 10, Bangunan PKINK pada 9 Zulhijjah 1426 bersamaan 9 Januari 2006

Penceramah jemputan adalah Ust. Mohd. Hanafizi dari Majlis Agama Islam dan Adat Isti'adat Melayu Kelantan (MAIK) Ceramah yang bertajuk "Ibadah Haji dan Qurban" telah diadakan jam 11.30 pagi.

Antara isi kandungan ceramah beliau adalah:

1. Pengorbanan yang pertama adalah ketika Qabil dan Habil diarah berkorban untuk menyelesaikan perbalahan antara mereka. Dimana masing-masing telah membuat penyembelihan qurban untuk dipersembahkan kepada Allah s.w.t
2. Pengorbanan kedua adalah peristiwa Nabi Ibrahim meninggalkan isterinya Siti Hajar di tengah padang pasir yang gersang atas perintah Allah s.w.t.
3. Pengorbanan yang ketiga pula ialah peristiwa Nabi Ibrahim yang bermimpi mendapat perintah Tuhan supaya menyembelih anaknya, walaubagaimanapun Nabi Ismail telah ditukar dengan kibas oleh Allah S.W.T.
4. Qurban selalunya dikaitkan dengan ujian Tuhan yang amat besar ke atas makhluknya.
5. Apabila bertembung kehendak Tuhan dengan kehendak manusia maka kehendak Tuhan hendaklah dihadului dan dipatuhi.
6. Hukum ibadah qurban adalah sunat muakkad, yakni perkara yang amat ditutut.
7. Apa yang penting dalam ibadah qurban adalah takwa dan penyerahan diri kepada Tuhan dan bukannya daging qurban semata-mata. Oleh itu seharusnya tidak timbul soal harga penyembelihan korban tersebut
8. Qurban boleh dilakukan dalam masa empat hari sahaja iaitu mulai Hari Raya Qurban pertama dan tiga hari berikutnya.
9. Binatang yang hendak dikorban hendaklah sempurna sifatnya, yakni tidak cacat. Sekiranya ada kecacatan pada bahagian yang tidak menjelaskan dagingnya, seperti patah tanduk ianya dibolehkan.



Ustaz Mohd. Hanafizi dari MAIK

Majlis tamat jam 1.00 tengah hari, dan Al-Ustaz mengakhiri ceramah dengan satu pepatah arab yang berbunyi "*Kelmarin sudah mati; hari ini nazak; besok belum lahir*" untuk renungan bersama.

## Ceramah Hijratul Rasul

Ceramah Hijratul Rasul bersempena awal Muharram telah diadakan pada 8 Muharram 1427 bersamaan 7 Februari 2006 bertempat di Bilik Operasi Tingkat 10, Bangunan PKINK, Kota Bharu.

Penceramah jemputan ialah YB Haj. Mohd Nasaruddin bin Haj. Daud, Timbalan Speaker DUN Kelantan. Dalam ceramahnya beliau menjelaskan; walaupun penghijrahan Nabi Muhammad s.a.w. berlaku pada bulan Rabiul Awal, namun niat hijrah itu telah dibuat seawal bulan Muharram lagi. Atas sebab inilah Saidina Umar Al-Khattab telah memilih bulan Muharram sebagai bulan permulaan bagi tahun Hijrah. Tambahan pula gambaran mengenai Islam telah kelihatan sempurna menjelang bulan Muharram.

Nabi Muhammad s.a.w. mengambil langkah untuk berhijrah ke Madinah apabila orang-orang kafir Mekah mahu membunuh baginda. Penghijrahan Nabi bukanlah melarikan diri, sebaliknya sebagai satu muslihat agar Islam dapat mengatur kekuatan bagi menghadapi kafir Mekah seterusnya

Kafir Mekah mahu membunuh Nabi Muhammad s.a.w. kerana mereka tidak dapat menerima ajaran Islam yang dianggap baru dan bercanggah dengan ajaran datuk nenek mereka.

YB Haj. Nasaruddin juga turut menyeru semua anggota PKINK agar mengambil semangat hijrah, dengan bersama-sama membendung masalah "riddah" (Murtad) yang semakin meningkat di negara kita



YB Haj. Mohd Nasaruddin, Timbalan Speaker DUN Kelantan

## KULIAH BULANAN DAN MINGGUAN

PKINK dengan kerjasama Biro Kebajikan dan Dakwah KSK PKINK bermula Januari 2006 telah menganjurkan kuliah bulanan yang disampaikan oleh Ustaz Haji Saibun bin Ismail dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan. Kuliah tersebut diadakan di Tingkat 6, Bangunan PKINK pada hari Selasa minggu keempat mulai jam 11.30 pagi hingga 12.30 tengahari.

Kuliah bulanan ini menggunakan kitab Mustika Hadis keluaran Jabatan Perdana Menteri sebagai panduan.

Mulai Mac 2006, hasil kerjasama tersebut, dianjurkan pula satu kuliah mingguan yang diadakan di Tingkat 10, Bangunan PKINK pada setiap hari Isnin mulai jam 9.00 pagi - 10.00 pagi.

Kuliah mingguan tersebut menggunakan Kitab Bimbingan Mukmin, Karangan Imam Al-Ghazali. Kuliah ini disampaikan oleh Ustaz Haj. Aziz bin Yahya dari Pondok Geting, Tumpat Kelantan.

### IBADAH QIAMULLAIL

Pada hari Jumaat malam Sabtu 13 Zulhijjah 1426, Biro Dakwah KSK telah mengadakan ibadah qiamullail di Surau, Tingkat 6. Majlis dimulakan dengan solat Maghrib berjemaah diikuti dengan tazkirah Maghrib. Kemudian para peserta mengerjakan solat Isyak berjemaah. Pada pagi keesokannya, semua peserta telah bangun jam 4.00 pagi untuk solat tasbih dan solat taubat. Peserta qiamullail telah mengerjakan solat Subuh berjemaah dan disusuli dengan tazkirah Subuh. Program yang berbentuk ibadah itu telah dihadiri seramai kira-kira 15 orang muslimin dan muslimat dan telah dibimbing oleh Ustaz Fuad Abd.Wahab dari Pondok Pasir Tumbuh.

## BERITA ANGGOTA

### AL - FATIHAH

Beberapa anggota PKINK telah kehilangan sebahagian daripada ahli keluarga untuk tempoh Januari hingga Mac 2006. Diharap Allah S.W.T. mencucuri Rahmat ke atas roh mereka dan menempatkan bersama-sama golongan para solihin, Al-Fatiyah...

Tanggal 9 Februari 2006 kira-kira jam 11.00 malam ayah kepada Che Alias Ali, Ali b. Che Noh telah kembali ke rahmatullah di rumah kediamannya di Kg. Tok Akil, Ketereh. Ayah kepada Che Alias meninggal dunia akibat serangan jantung. Allahyarham meninggalkan seorang isteri Chik bt. Che Hamid, 9 orang anak dan 30 orang cucu dalam usia 68 tahun. Che Alias merupakan anak yang pertama.

Genap sebulan selepas itu pada 9 Mac 2006, kira-kira jam 10.30 malam ibu kepada Tengku Petra Tengku Wook, Raja Esah binti Raja Ahmed telah kembali ke rahmatullah di Kota Bharu Medical Centre (KBMC), kira-kira lima hari selepas diwadkan. Beliau meninggal dunia akibat kerosakan buah pinggang. Jenazahnya telah selamat dikebumikan di tanah perkuburan Islam Kg. Dusun. Allahyarhamah meninggalkan seorang suami, 11 orang anak dan 33 orang cucu dalam usia 67 tahun.

Pada 17 Mac 2006, jam 11.40 pagi ayah kepada En. Jasni Yusoff, Yusoff bin Daud telah kembali ke rahmatullah dalam usia 79 tahun di Hospital Raja Perempuan Zainab II, akibat sakit tua. Beliau telah meninggalkan 4 orang anak dan 13 orang cucu. Jenazahnya telah disemadikan di Tanah Perkuburan Islam Banggol.

Manakala pada 19 Mac 2006, kira-kira jam 7.30 petang Tuan Haji Ab. Kadir bin Rahak, ayah kepada Tuan Hj. Mohd Shah telah kembali ke rahmatullah di rumah kediamannya di Kg. Ayer Lanas, Jeli. Allahyarham meninggal dunia dalam usia 84 tahun kerana sakit tua. Allahyarham merupakan bekas Pengurus Rancangan Tanah Air Lanas telah meninggalkan 8 orang anak dan 15 orang cucu. Jenazahnya selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kg. Ayer Lanas.

### ANUGERAH KHIDMAT CEMERLANG

Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK dalam ucapan ringkasnya sempena majlis penyampaian Anugerah Khidmat Cemerlang Anggota PKINK bagi tahun 2004 telah memberi dua penekanan kepada semua anggota betapa perlunya setiap individu mempunyai "vision" iaitu arah tuju organisasi dan keduanya mestilah mempunyai "determination" untuk melaksanakan visi tadi.

Bagi tahun 2004, seramai 12 anggota PKINK telah dianugerahkan perkhidmatan cemerlang. Dengan penganugerahan ini beliau berharap agar ianya menjadi satu dorongan kepada mereka agar menambahkan lagi peningkatan mutu kerja masing-masing di samping memberi galakan kepada anggota-anggota lain. Majlis ringkas ini telah diadakan pada 1 Safar 1427 bersamaan 1 Mac 2006 di Bilik Operasi Tingkat 10, Bangunan PKINK yang turut dihadiri semua anggota PKINK.

Anggota yang telah menerima anugerah tersebut ialah:

Nama Anggota	Tarikh Lahir	Mula khidmat dgn PKINK	Penempatan Terkini
1. Hjh. Azizah Daud	23.07.1954	01.07.1981	UB Consult Sdn Bhd
2. Mohd Fauzi Hj. Taib	08.01.1958	01.03.1992	Bhg. PSM
3. Mohd Adilan Mat Jusoh	14.12.1969	01.08.1996	Bhg. Pej. PK KE
4. Hj. Mahmud Ismail	20.08.1949	01.03.1976	Bhg. Kewangan
5. Meriam Omar	21.05.1958	01.09.1980	UB Consult Sdn Bhd
6. Wan Azizan Wan Yakob	01.02.1968	15.03.1995	Bhg. Usahawan
7. Mohd Ramli Hamzah	30.12.1958	14.09.1980	Bhg. Usahawan
8. Che Soriaty Yaacob	16.10.1962	17.09.1994	UB Consult Sdn Bhd
9. Mat Jali Mat Junus	26.08.1959	03.12.1980	Bhg. Kewangan
10. Ab. Rahman Mat	21.03.1961	01.09.1980	Syt. Binaraya PKINK SB
11. Siti Jahinah Ya'cob	01.07.1967	01.02.1996	Bhg. Kewangan
12. Razali Ismail	13.03.1962	08.09.1982	Bhg. Kewangan



Penerima Anugerah Khidmat Cemerlang bergambar kenangan dengan pihak Pengurusan  
Duduk dari kiri: Hj. Suhaimi Husin (TKE P&P), Hjh. Azizah Daud, Che Soriaty Yaacob, Hj. Wan Yahya Wan Salleh (KE),  
Meriam Omar, Siti Jahinah Ya'cob dan Hj. Wan Adnan Wan Abd. Kadir (TKE HEK)  
Berdiri dari kiri: Mat Jali Mat Junus, Wan Azizan Wan Yakob, Mohd Fauzi Hj. Taib, Hj. Mahmud Ismail, Mohd Ramli Hamzah,  
Razali Ismail  
Tidak hadir: Mohd Adilan Mat Jusoh, Ab. Rahman Mat

### Penyerahan Cek Manfaat Takaful

Takaful Malaysia, melalui Koperasi PKINK Berhad telah menyerahkan cek manfaat takaful kepada anggota Kumpulan PKINK yang telah meninggal dunia. Majlis penyerahan cek tersebut telah diadakan di Bilik Gerakan, Tingkat 11, Bangunan PKINK pada 4 Januari 2006, jam 12.00 tengahari.

Penyerahan cek disempurnakan oleh Pengurus Besar Bahagian Takaful Keluarga, En. Ahmad Shahbudin Abu Bakar kepada Pengarah Urusan Kompleks Perkayuan Kelantan Bhd dan Pengurus Besar Hotel Perdana Sdn Bhd, sebagai wakil syarikat tersebut. Turut hadir pada majlis tersebut ialah Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK dan Pengurus Koperasi PKINK .

Ahli yang meninggal ialah Yasin b Mat Zain dari KPK SB dengan manfaat RM38,300 dan Wong Hin Yeen dari Hotel Perdana dengan manfaat RM75,800. Ahli keluarga yang mendapat manfaat turut hadir sama.



Pengarah Urusan KPK SB menerima cek Manfaat Takaful bagi pihak ahli yang meninggal dari Ketua Eksekutif PKINK, diperhatikan oleh Pengurus Besar Bahagian Takaful Keluarga.

## LEBIH LANGSING LEBIH SIHAT


Gagal mendapatkan tubuh yang langsing dan menawan?, atau masih tercari-cari petuanya?. Mungkin petua-petua ini dapat dicuba dan Insya-Allah akan menampakkan kejayaannya.

1. Jangan sekali-kali melepaskan perasaan dengan memakan pelbagai makanan, ataupun menjadikan makan sebagai pelarian untuk menghilangkan kesedihan atau masalah ataupun meraikan sesuatu kejayaan.
2. Tahanlah godaan untuk makan. Jika kita berjaya menghindari dari godaan pertama, Insya-Allah lebih mudah untuk melawan godaan seterusnya.
3. Rencanakan diet dari awal-awal lagi. Siapkan makanan ringan yang berkhasiat yang boleh mengawal kita daripada tergoda dengan berbagai-bagai jenis makanan, misalnya biskut kering ataupun yogurt bebas lemak, juga boleh diganti dengan buah-buahan, atau minuman jus buah. Kurangkan gula dalam minuman.
4. Pemilihan waktu makan yang sesuai. Jangan memakan makanan yang berlemak dan karbohidrat yang berlebihan.
5. Apakah kita tukar aktiviti kita dengan melakukan senaman ringan di rumah atau jogging di sekeliling rumah, kerana aktiviti ini merupakan cara yang paling berkesan untuk menjaga berat badan kita dalam jangka panjang.
6. Sentiasa "set" di dalam minda kita bahawa senaman itu adalah suatu aktiviti yang menyenangkan. Bagi mengelakkan kebosanan, bolehlah bersenam beramai-ramai ataupun bermain bersama kawan-kawan, atau mencuba pelbagai senaman baru. Menambahkan kepelbagaiannya aktiviti riadah bukan sahaja berupaya melatih otot-otot tetapi turut mengurangkan risiko kecederaan.
7. Kalori yang diambil ketika mengecap makanan adalah salah satu perbuatan/aktiviti yang paling berbahaya.
8. Jadi kecaplah makanan sekali sahaja dengan menggunakan sudu teh.
9. Kekurangan kalori mengundang kita untuk makan secara berlebihan. Biarpun sedang berdiet kita tidak boleh kekurangan vitamin dan mineral yang sememangnya diperlukan oleh tubuh badan. Oleh itu janganlah membiarkan diri kita selalu dalam kelaparan.
10. Ambil makanan yang secukupnya dan dalam kuantiti yang sederhana. Ingatlah pesan Rasulullah S.A.W., makan ketika lapar dan berhenti sebelum kenyang.

## APA ITU “BLUE SCREEN”?

‘Crash’ yang berlaku kepada sistem pengoperasian Windows akan menyebabkan komputer akan ‘terkunci’ dan seterusnya memaparkan paparan skrin yang berwarna biru dan komputer perlu di ‘reboot’ semula.

Sekiranya anda terkena “Blue Screen” cubalah kaedah berikut untuk menyelesaiannya. Selamat Mencuba!



### Tips Penggunaan Komputer

**BAGAIMANA MEMBUAT SALINAN FAIL REGISTRY**- Anda boleh menyunting (edit) registry windows dengan menggunakan Notepad untuk menukar 'default' yang telah ditetapkan sekiranya anda **mahir**. Sebelum anda berbuat demikian, anda patut membuat salinan (backup) fail registry. Terdapat beberapa cara anda boleh membuat backup. Ikti langkah dibawah:

- Masukkan disket ke pemacu A - Klik START - Klik RUN - taipkan REGEDIT -tekan OK -(keluar Registry Editor)&nbsp; - klik REGISTRY - klik EXPORT REGISTRY FILE - masukkan nama fail dan jangan lupa mengubah SAVE in ke Floppy A - klik SAVE.

Untuk Restore semula registry sekiranya Window anda tidak boleh boot, anda perlu menggunakan ‘Safe Mode Command Prompt Only’ dengan cara : Sebelum keluar perkataan ...starting win95, tekan kekunci F8 dan pilih Safe Mode Command Prompt Only. Masukkan floppy A dan pada dos prompt, taipkan **copy A: system.dat C:windows** tekan enter. Kemudian taipkan pula **copy A: user.dat C:windows**

*Selamat Mencuba!*

## MUHASABAH SEBELUM REBAH

oleh: Mohd Ramli

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpahan rahmat, taufik dan hidayatNya kita mampu aman dan sejahtera membuka tirai tahun ini dan terus dikurniakan tubuh badan yang sihat serta akal yang waras serta kembali membuka mata bahkan terus melangkah di tahun baru untuk mengharungi kehangatan dan cabarannya yang baru bermula dan tidak mungkin berakhir. Demi kebesaran Allah, sesungguhnya hidup dan nikmat kehidupan yang kita kecapa hari ini merupakan anugerahNya yang amat bernilai. Lantaran itu perlu disyukuri dengan penuh rasa kehambaan dan redha akan qada' dan qadarNya.

Tahun baru, azam pun baru. Semuanya berkobar-kobar kerana tidak mahu dianggap ketinggalan tetapi sedarkan kita tentang pencapaian azam tahun lepas. Tanyalah diri dan janganlah menipu diri sendiri. Berpijak lah di bumi nyata. Azam tahun baru yang menggunakan tiada erti jika ianya sekadar 'renew' azam lama yang tidak kita lunaskan. Azam dan tekad bukannya satu lelucon tetapi ianya satu perjuangan untuk mencapai matlamat lantaran kita perlu membuat anjakan paradigma serta memotivasi diri untuk memperolehinya.

*'Dan janganlah engkaujadikan tanganmu terbelenggu dilehermu dan janganlah pula engkau menghulurkannya dengan sehabishabisnya, kerana akibatnya akan tinggallah engkau dengan keadaan tercela serta kering keputusan'*

(Surah Al-Israa' – Ayat 29)

Sebagai anggota Kumpulan PKINK, kita hendaklah akur dan sedia maklum tentang iklim dan senario ekonomi global masakini yang tidak menentu justeru kita perlu berusaha untuk mempertingkatkan pengetahuan dan keupayaan diri agar sentiasa dapat memberikan khidmat dan sumbangan secara produktif. Berfikir dan bertindak secara rasional dan profesional tanpa merasa berpuas hati dengan apa yang pernah kita capai tapi perlu berani mengorak langkah kehadapan untuk keluar dari sebarang kemelut yang membelenggu kita.

*'Hanya mereka yang berani menghadapi kegagalan akan mencapai kejayaan'*

(Robert Francis Keneddy)

Kejayaan dan kecemerlangan sesebuah organisasi bukannya disumbangkan oleh segelintir atau sebahagian anggotanya kerana seluruh warga kerja dari segenap bahagian dan lapisan telah memainkan peranan serta

sumbangan mengikut kemahiran dan kebolehan mereka seadanya. Sesungguhnya kita adalah sebuah keluarga besar. Oleh itu dengan merangkumkan segala bentuk pengetahuan, kebolehan, kepakaran bahkan keupayaan memimpin mampu mewujudkan kuasa penggempur yang kuat.

*'Apa-apa pun kita perlu ikhlas terhadap kerja, setia pada janji dan hargai sahabat kita'*

(Henry David Thoreau)

Sebagai anggota PKINK, kita bertanggungjawab untuk memajukan organisasi yang kita anggotai. Lantaran itu dengan penuh hemah kita perlu berusaha untuk memahirkkan diri pada tahap optimum serta memberikan perkhidmatan yang sentiasa 'Tip-Top'. Masa yang berlalu tidak akan berulang dan semestinya kita tidak mempunyai peluang kedua untuk memperbaiki kesilapan lalu kerana kecuaian dan kealpaan kita sendiri. Pun begitu sekali lagi kita perlu rasional. Jangan sekalkali melabelkan diri sendiri komited kepada kerjaya kerana itu semua belum tentu menjadi trademark.

*'Kebijaksanaan yang paling jitu bagi setiap orang adalah sedar dan mengetahui yang kita tidak tahu apa-apa'*

(Socrates)

*'Dan janganlah engkau memalingkan mukamu (kerana memandang rendah kepada orang lain dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan berlagak sombong, sesungguhnya Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang sombong dan takbur lagi membangga diri'*

(Surah Luqman – Ayat 18)

Intipati yang perlu kita ambil dari ayat di atas ialah perlunya kesedaran diri yang kelangsungannya akan mewujudkan rasa insaf lantaran redha untuk menerima kehadiran serta menghargai pandangan orang lain dengan seadanya.

*'Kepimpinan adalah satu seni untuk membuatkan seseorang melakukan sesuatu yang kita ingin selesaikan bukan kerana diarah tetapi rela melakukannya'*

(Dwight D.Eisenhower)

Persefahaman dan keharmonian ditempat kerja adalah satu wadah dan arena yang membolehkan kita bekerja sebagai sebuah pasukan, berfikir secara matang dan profesional bahkan mengatur strategi dan tindakan secara

terancang. Sebagai sebuah keluarga kita perlu bijak menghindari ketegangan malah jangan sekali-kali mengumpam atau membangkitkan pertengkaran. Tumpukan kepada isu-isu dan subjek secara terbuka dengan semangat setia kawan biarpun kita memberikan pandangan yang berbeza.

*'Peduli apa dengan mana-mana anggota yang mendapat pujian atas kerja-kerja yang cemerlang kerana kita juga turut menyumbang.'*

(Benjamin Jowett)

Realiti dan kesimpulannya, orang-orang yang berjaya pada hari ini adalah terdiri daripada kalangan mereka yang bercita-cita tinggi, berwawasan dan bekerja keras. Mereka sentiasa berusaha untuk memajukan diri demi mencapai cita-cita dan wawasan tanpa merasa jemu dan berputus asa.

*'Kita tidak akan terus jatuh apabila dikeji dan juga tidak terus berada di atas biarpun dipuji. Kita adalah apa yang selalu kita lakukan. Keunggulan bukanlah satu lakonan tetapi satu tabiat'*

(Aristotle)

Begitulah juga dengan kita anggota Kumpulan PKINK. Jadikan kesilapan dan kegagalan sebagai sempadan. Berusaha bersatu dalam mencapai matlamat yang tinggi biarpun agak sukar dicapai kerana sesungguhnya Allah Maha mengetahui tentang hambaNya yang tidak pernah mengalah untuk berusaha.

### Jom ke Kelas Menjahit !

Kekwa telah memulakan 2006 dengan aktiviti menjahit yang telah diadakan setiap Selasa mulai pertengahan Januari yang lalu. Kelas tersebut dibuka kepada kesemua ahli Kekwa yang berminat. Walaupun dikenakan sedikit bayaran sambutan didapati masih menggalakkan apabila seramai 12 orang telah mengikuti kelas tersebut dengan jayanya.

Puan Santy Budi Astuti dari Pusat Latihan Kraftangan Epal merupakan tenaga pengajar kelas tersebut dan diantara kraftangan yang telah ditunjuk ajar adalah seni menjahit 'quilt' untuk sarung kusyen, Langsir 'box-pleat' dan beg 'quilt'.

# KB BAZAAR MENYEDIAKAN LEBIH BANYAK RUANG NIAGA


Satu perjumpaan antara Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK dengan pembeli-pembeli KB Bazaar telah diadakan pada 14 Februari 2006, bertempat di bilik operasi, tingkat 10, Bangunan PKINK.

KB Bazaar yang dibangunkan oleh Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) yang terletak di Jalan Hamzah, Kota Bharu bakal menjadi daya tarikan baru kepada pengunjung dari dalam dan luar negeri untuk membeli belah dalam suasana yang lebih selesa dan moden.

Dibangunkan dengan kos RM 17 juta, KB Bazaar yang mempunyai reka bentuk yang menarik telah menawarkan lebih banyak ruang dan kemudahan kepada setiap usahawan tempatan terutamanya bumiputera.

Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK, Tuan Haji Wan Yahya Wan Salleh berkata, bagi memperkenalkan KB Bazaar yang telah beroperasi, kepada umum, beberapa langkah promosi akan diambil. Terdapat 121 lot perniagaan telah disediakan untuk dijual dengan harga antara RM 90,000 hingga RM 150,000 dan masih terdapat lagi lot-lot untuk ditawarkan. PKINK akan mengadakan ekspo membeli belah secara besar-besaran di KB bazaar dalam musim cuti persekolahan.

Di samping itu juga, Ketua Eksekutif telah meminta para peniaga yang membeli lot perniagaan di bazaar berkenaan supaya memulakan perniagaan secepat yang mungkin.



Ketua Eksekutif PKINK menyampaikan ucapan semasa perjumpaan dengan pembeli KB Bazaar



KB Bazaar menyediakan 121 lot perniagaan dengan harga RM90,000 hingga RM150,000



Antara pembeli-pembeli KB Bazaar yang hadir di majlis perjumpaan tersebut



**KEDIAMAN**

## *Impian Anda*

- \* Lapangan Terbang
- \* Masjid Pengkalan Chepa
- \* Padang Golf
- \* Taman Orkid Tengku Anis
- \* MRSM Pengkalan Chepa
- \* Maktab Perguruan K. Bharu
- \* Perumahan Padang Tembak
- \* Sekolah-Sekolah

Rumah Banglo 1 tingkat dari  
**RM228,000**

**3 + 1 bilik tidur dengan 3 bilik air**

Untuk Tempahan: KOPERASI PKINK BERHAD  
Tingkat 2, Bangunan PKINK  
Jalan Tengku Maharani Puteri  
15200 Kota Bharu, Kelantan.  
Tel: 09-7414092/4093 Fax: 09-74877509